

Di sebalik keunikan seni bina

DUNIA seni bina sememangnya adalah satu bidang yang sentiasa berevolusi sejajar dengan perkembangan dan kemajuan peradaban manusia. Keadaan itu merupakan cabaran yang menguji kemampuan dan kreativiti seseorang pereka untuk melahirkan reka bentuk yang dinamik dan praktikal, lengkap dengan nilai estetik sesuatu rekaan.

Menyedari hakikat itu, Fakulti Kejuruteraan, Teknologi & Alam Binaan, Universiti UCSI sentiasa memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai perkembangan dan isu terkini dalam bidang seni bina melalui pelbagai platform. Antaranya seperti forum, forum industri, bengkel dan seminar atau pertandingan yang dianjurkan oleh badan-badan seni reka di seluruh negara.

Ini termasuk Pertandingan Reka Bentuk Dalaman MIID ke-17 anjuran Pertubuhan Pereka Bentuk Dalaman Malaysia yang diadakan baru-baru ini, menyaksikan kumpulan pelajar Universiti UCSI merangkul 13 kemenangan dalam beberapa kategori yang dipertandingkan, menewaskan pesaing daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang lain.

Bertemakan 'Penciptaan Semula atau Re-Invent', pelajar UCSI telah memenangi tempat pertama dan kedua dalam kategori Reka Bentuk Perumahan dan Reka Bentuk

Komersial; tempat pertama dalam kategori Reka Bentuk Hospitaliti, Reka Bentuk Pemasangan dan Perlaksanaan; dan enam lagi kemenangan dalam kategori lain termasuk reka bentuk perabot, fotografi dan lakaran.

Kejayaan tersebut merupakan kemenangan tersebut dalam sejarah Jabatan Seni Bina di dalam Fakulti Kejuruteraan, Teknologi & Alam Binaan, Universiti UCSI.

Tanpa Sempadan

Seni bina bukan sahaja terhad kepada pembinaan struktur sesebuah bangunan malah meliputi elemen-elemen lain seperti pengudaraan, pencahayaan, penggunaan ruang dan lain-lain sebagai pelengkap ciri-ciri sesebuah binaan.

Menjana idea dengan mengguna pakai elemen-elemen seni bina ini, kumpulan pelajar UCSI telah menghasilkan kostum persembahan yang dilengkapi dengan lampu LED dan bertanding di Bengkel Seni Bina Pelajar ke-25 yang dianjurkan oleh Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM).

Berdasarkan tema 'Nyata dan Halimunan', lampu LED yang dipasangkan kepada kostum diprogramkan supaya ia

menyala mengikut rentak dan gerak tari persembahan.

Keunikan rekaan ini berjaya menarik perhatian para penonton dan para hakim dan kemudiannya telah dipilih menjadi juara bagi dua kategori iaitu Persembahan Terbaik dan Kostum Terbaik. Kejayaan itu dihangatkan lagi dengan kemenangan rakan-rakan mereka dalam tiga kategori

utama yang dipertandingan PAM, menjadikan Universiti UCSI pemenang kepada tujuh kategori yang dipertandingkan.

Sebenarnya, kejayaan sesebuah rekaan seni bina juga diukur melalui interaksinya dengan kehidupan insan.

Berdasarkan perspektif ini, lima pelajar Seni bina UCSI telah mencipta konsep rumah berbentuk kiub yang mengambil inspirasi daripada *neuhaus* yang bermaksud 'rumah baharu' dalam bahasa Jerman. Rekaan dihasilkan setelah mengambil kira faktor kemajuan pembangunan ekonomi dan kesannya kepada individu serta institusi keluarga untuk memiliki sebuah rumah mampu milik.

Rekaan tersebut telah mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Seni Bina Pelajar PAM-Lafarge, menewaskan 150 penyertaan lain.

Perkongsian idea kreatif, kepimpinan dan semangat berpasukan yang ditonjolkan pelajar sebenarnya adalah antara sifat-sifat terpuji yang diterapkan dalam kalangan para pelajar Universiti UCSI yang pastinya memberikan satu keistimewaan dalam kehidupan dan perjalanan kerjaya mereka di masa hadapan.

INFO

UNTUK mengetahui lebih lanjut mengenai Fakulti Kejuruteraan, Teknologi & Alam Binaan Universiti UCSI, hubungi 03-91018882 atau e-mel kepada www.ucsiuniversity.edu.my/onlineenquiry.



PARA pelajar Seni Bina Universiti UCSI bersiap sedia untuk membuat persembahan gerak tari *Michael Jackson vs PSY* bagi Bengkel Seni Bina Pelajar Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) ke-25.



PELAJAR-PELAJAR Seni Bina Dalaman UCSI bergambar bersama-sama Naib Canselor dan Presiden Universiti UCSI, Prof. Datuk Dr. Khalid Yusoff (tengah) di galeri selepas Pertandingan Reka Bentuk Dalaman MIID ke-17.